

01 FEB 2003

Putrajaya

PUTRAJAYA SIMBOL KEMEGAHAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Tiada siapa menyangka, kawasan di selatan Prang Besar, salah sebuah daerah di Selangor akan diangkat tarafnya menjadi Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Dari sebuah kawasan hutan seluas 4,931 hektar, projek pembinaan pusat pentadbiran itu dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 Ogos 1995 selepas melalui proses pertukaran nama kepada Putrajaya sebagai mengenang jasa Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Selepas dimasyhurkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Feb, 2001, kini Putrajaya terus melangkah maju dengan pelbagai teknologi dan kemudahan canggih, apatah lagi pembinaannya telah mencatatkan sejarah tersendiri kerana dibina sebagai sebuah bandar raya moden Malaysia.

Sesuai dengan statusnya sebagai pusat pentadbiran negara, Putrajaya yang terletak dalam lingkungan Koridor Raya Multimedia (MSC) adalah lokasi ideal untuk sektor pekerjaan, penempatan, sukan dan rekreasi serta pelbagai aktiviti lain yang berupaya menawarkan penghidupan yang lebih selesa kepada penduduknya.

Begitupun, untuk menjadi segemilang seperti hari ini bukanlah sesuatu yang mudah memandangkan Putrajaya telah menempuh pelbagai liku dan meredah masa sebelum misi negara mewujudkan pusat pentadbiran berjaya direalisasikan.

Sejarah awal wilayah berkenaan bermula apabila kabinet meluluskan kawasan Prang Besar pada 2 Jun 1993 untuk dijadikan tapak bagi membangunkan pusat pentadbiran yang baru bagi menggantikan Kuala Lumpur.

Tanggal 31 Mei 1999 melakar sebuah lagi sejarah bagi Putrajaya apabila Bahagian Keselamatan Negara dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, kedua-duanya di bawah Jabatan Perdana Menteri, memulakan operasi di Kompleks Pejabat Perdana Menteri.

Dr Mahathir memulakan tugasnya secara rasmi di Putrajaya pada 21 Jun 1999 dan ini disusuli dengan mesyuarat kabinet pertama di sana dua hari kemudian.

Pembangunan demi pembangunan yang mencipta pelbagai kemajuan semakin rancak di Putrajaya, menjadikan ia sebuah bandar yang mantap dengan pembahagian kawasan kepada lima presint utama.

Ia terdiri daripada:

- \* Presint Kerajaan untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan.
- \* Presint Pembangunan Campuran untuk kawasan komersial, kerajaan, taman dan kawasan lapang.
- \* Presint Awam untuk kegunaan awam dan kebudayaan (di sinilah terletak antara mercu tanda utama Putrajaya iaitu Masjid Putra).
- \* Presint Komersial untuk pusat membeli belah utama.
- \* Presint Sukan yang menempatkan pelbagai jenis kemudahan sukan untuk para penduduknya dan orang ramai yang berkunjung ke sana.

Kesemua presint ini dan keseluruhan pembangunan Putrajaya diselenggarakan sepenuhnya oleh Perbadanan Putrajaya Sdn Bhd yang diperbadankan secara rasmi pada 19 Oktober 1995 dengan diketuai oleh Tan Sri Azizan Zainol Abidin.

Sesuai dengan konsepnya sebagai "Bandar Dalam Taman", pengunjung ke Putrajaya akan terpesona dengan pelbagai spesis tanaman hijau dan berbunga yang menghiasi kawasan persekitarannya.

Selain itu, aspek pengangkutan juga diberi penekanan bagi memastikan

Putrajaya bebas daripada sebarang pencemaran sama ada bunyi atau udara.

Justeru, ia dikembangkan dengan penggunaan bas-bas pengantaraan, LRT dan jaringan lebuhraya tanpa mengabaikan strategi pelaksanaannya iaitu praktikal dan berkesan.

Putrajaya turut dikelilingi oleh empat lebuhraya utama iaitu South-Klang Valley Ekspresway (SKVE), North South Central Expressway (NSCEL), Lebuhraya Puchong-Damansara dan Lebuhraya KL-Seremban, menandakan ia terbuka untuk semua lapisan masyarakat yang ingin berkunjung ke sana.

Kini, tempoh jerih payah Putrajaya telah berlalu. Walaupun ia hanya dijangka sapa sepenuhnya dalam tempoh 15 tahun, namun gambaran kemajuan dan kecanggihan wilayah ini telah mula terserlah.

Hari ini, usianya genap dua tahun. Walau masih muda, namun keupayaannya menyamai malah mampu menyaingi pusat pentadbiran negara lain yang terlebih dahulu menempa nama.

Dinaungi oleh barisan pemimpin yang berwibawa dan berkredibiliti, tidak mustahil nama Putrajaya akan gah dan tersohor di seluruh dunia, sebagaimana terkenalnya nama Dr Mahathir di pentas antarabangsa.

Beliau dijangka melancarkan sambutan ulang tahun kedua Putrajaya Selasa ini.

Semoga usia yang semakin bertambah akan memungkinkan kejayaan yang lebih gemilang dicipta oleh wilayah ini.

-- BERNAMA

SOP MAM ZB